

MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) – No. 9600001
LEMBAGA SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NREB) SARAWAK

Bil. : 3/2021
Tarikh : 14 Disember 2021 (Selasa)
Masa : 9:00 pagi
Tempat : Zoom Meeting (Atas talian)

HADIR

Pengerusi Mesyuarat : Encik Paul Bond Chamberlin

Pengerusi Pekerja : Puan Christina Leysia

Setiausaha Pengurusan : Datin Hjh. Mariati bt Hj. Yaman

Setiausaha Pekerja : Cik Jenefer Lu Yann Rong

Ahli-Ahli (Pengurusan) : Puan Rahmah Biak
En. Tsai Koh Fen
Cik Elizabeth ak Dato Nyomek

Ahli-Ahli (Pekerja) : En. Mohamad Hanafi Hj Sapiee
En. Felix Joe ak Daud
En. Anthony Malang
Pn. Felica ak Simud
Pn. Florence Anding
En Wan Ridzuan bin Wan Laila
En. Khalik Mohamad Noh
En. Burhannudin bin Suai
Pn. Dayang Duraiza Binti Hj Awang Jangka
En. Aseng Nois
En. Seman bin Hj Ali
Pn. Catherine Jamban
Pn. Biti ak Bundan
En. Faizal Leman
Pn. Jeti Sundi
En. Dave Taylor ak Ayai

Tidak Hadir Dengan Izin : Pn. Peggy Ronin anak Edin
Pn. Penny Sumok
En. Kenny Poon
Pn. Sinawati Marto
En. Jonathan Manggah
Cik Nanku ak Apoi
Pn. Helda Ponen

NO	PERKARA	MAKLUMAN/ TINDAKAN
1.0	Perutusan Pengerusi	
	<p>Encik Paul Bond Chamberlin, selaku Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa beliau akan mempengerusikan mesyuarat MBJ Bil. 3/2021 memandangkan Controller tidak dapat hadir kerana perlu menghadiri mesyuarat rasmi yang lain. Pengerusi Mesyuarat mengingatkan semua kakitangan untuk memainkan peranan dalam menangani penularan COVID-19 dengan mengambil vaksin dos penggalak seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.</p> <p>Puan Christina Leysia, selaku Pengerusi Pekerja memaklumkan bahawa bahawa Pra-MBJ telah diadakan pada 13 Disember 2021 bagi membincangkan dan menapis usul-usul yang akan dikemukakan pada mesyuarat MBJ kali ini.</p>	Semua (M)
2.0	Pengesahan Minit Mesyuarat	
	Minit Mesyuarat Bil. 2/2021 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.	Semua (M)
3.0	Perkara-Perkara Berbangkit	
3.1	Penerbitan Buletin Tuiyang	
3.2	Pelan Strategik Dan Cadangan Sumber Manusia	
	<p>Wakil pekerja memaklumkan bahawa Buletin Tuiyang Vol.1, Isu 1 bagi Tahun 2021(Januari-Jun) telah disemak oleh Datin Hajah Mariati, Setiausaha Bersama (Pengurusan) sebelum dicetak. Salinan keras (<i>hardcopy</i>) telah diedar kepada Controller, Timbalan Controller dan semua pejabat NREB. Salinan lembut (<i>softcopy</i>) telah dipanjangkan kepada Unit ICT untuk dimuatnaik ke laman web rasmi NREB. Kakitangan yang tidak mendapat salinan keras buletin tersebut boleh muat turun dari laman web rasmi NREB.</p>	Semua (M) Pihak Pekerja (T)
	<p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa Pelan Strategik dan Cadangan Sumber Manusia telah siap dan diedarkan kepada Ahli Lembaga Pengarah untuk kelulusan melalui Pekeliling Resolusi Lembaga. Walau bagaimanapun, hanya 3/12 maklumbalas diterima setakat ini. Kertas kerja tersebut juga telah diedarkan kepada SHRU pada 7 Disember 2021 untuk dibentangkan kepada mesyuarat State Organisational Development Committee.</p>	Semua (M)

NO	PERKARA	MAKLUMAN/ TINDAKAN
3.3	<p>Sumbangan ‘Special Contribution’</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa kertas kerja telah dikemukakan kepada pihak SHRU untuk ulasan pada 30 September 2021. Walau bagaimanapun, masih belum ada maklumbalas daripada pihak SHRU.</p>	Semua (M)
3.4	<p>Pelaksanaan Aplikasi CACTUS di NREB</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa CACTUS telah dilaksanakan pada 27 September 2021.</p> <p>Minit Ditutup</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)
3.5	<p>GPS <i>i-fleet</i> dan Kursus Penyelenggaraan Kenderaan</p> <p>3.6.1 Taklimat <i>i-fleet</i></p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa Ibu pejabat telah mengeluarkan emel kepada semua Pejabat NREB pada 10 November 2021 untuk setiap pejabat supaya berhubung secara terus dengan pihak DIGI. Ini memudahkan setiap pejabat untuk menetapkan tarikh dan masa latihan bersama dengan pihak DIGI secara langsung mengikut jadual masing-masing. Maklumat pegawai yang boleh dihubungi berserta dengan nombor telefon dan alamat e-mail juga telah dimaklumkan kepada Pembantu Tadbir di setiap Pejabat NREB.</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan supaya sekiranya staf mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan dengan sistem tersebut staf boleh berhubung dengan AAO Khalik ataupun pihak DIGI melalui talian ataupun e-mel.</p> <p>Minit ditutup.</p> <p>3.6.2 Kursus Penyelenggaraan Kenderaan</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa kursus tersebut telah diadakan pada 15-16 dan 17-18 November 2021 di Waterfront Hotel, Kuching.</p> <p>Minit Ditutup</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)

NO	PERKARA	MAKLUMAN/ TINDAKAN
3.6	<p>Keperluan Cloud</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa Kursus Asas Google Drive akan diadakan pada 17 Disember 2021 secara atas talian.</p>	Semua (M)/ Unit ICT (T)
3.7	<p>Kertas Ujian untuk jawatan Pembantu Kewangan (W19)</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa Panel Peperiksaan yang bertanggungjawab untuk perkara-perkara penggubalan soalan peperiksaan BITK, induksi, pengambilan (<i>recruitment</i>) dan lain-lain telahpun diwujudkan. Walau bagaimanapun, panel belum lagi bermesyuarat.</p>	Semua (M)
3.8	<p>Jaket untuk semua staf NREB</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa pembelian jaket adalah dalam proses di mana pembida yang berjaya telahpun dilantik untuk membekalkan jaket tersebut. Jaket tersebut dijangka akan diedar kepada kakitangan pada awal tahun 2022.</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)
3.9	<p>WIFI untuk Menara Pelita</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa isu WIFI untuk Menara Pelita telahpun diselesaikan dan kelajuan internet adalah sebanyak 300mbps. Mesyuarat dimaklumkan bahawa stok peralatan ICT seperti webcam, headphone dan speaker baharu sahaja diterima dan akan diagihkan kepada staf berkenaan.</p> <p>Minit ditutup.</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)/ Unit ICT
3.10	<p>Sambungan Sarawaknet (LAN) bermasalah</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa kerja menaiktaraf LAN di Pejabat Bintulu telah selesai pada 28 Oktober 2021.</p> <p>Minit Ditutup</p>	Semua/ Pihak Pengurusan (M) dan Unit ICT (T)

NO	PERKARA	MAKLUMAN/ TINDAKAN
3.11	<p>Permohonan kenaikan kadar kemudahan peruntukan sedia ada</p> <p>a. Pemeriksaan Kesihatan Tahunan</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa kertas usul cadangan kemudahan kepada kakitangan berusia 45 tahun ke atas di bawah Gred 41 untuk mengadakan pemeriksaan kesihatan penuh sebanyak RM500 telah dikemukakan kepada Ahli Lembaga untuk kelulusan melalui Pekeliling Resolusi Lembaga. Hanya 3/12 maklumbalas diterima setakat ini dan mereka menyokong cadangan tersebut.</p> <p>Pihak Pengurusan juga memaklumkan bahawa cadangan kemudahan perubatan tahunan kakitangan untuk dinaikkan sebanyak RM200 (RM1,200.00 ke RM1,400.00) telah dikemukakan kepada Ahli Lembaga untuk kelulusan melalui Pekeliling Resolusi Lembaga. Hanya 3/12 maklumbalas diterima setakat ini dan mereka menyokong cadangan tersebut.</p> <p>b. Kemudahan Subsidi Perubatan Kepada Pesara</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa kertas usul cadangan supaya staf yang bersara diberikan kemudahan subsidi perubatan pada kadar $\frac{3}{4}$ daripada kadar kelayakan perubatan staf yang masih berkhidmat dengan NREB serta cadangan kemudahan kepada kakitangan berusia 45 tahun ke atas di bawah Gred 41 untuk mengadakan pemeriksaan kesihatan penuh sebanyak RM500 juga telah dikemukakan kepada Ahli Lembaga untuk kelulusan melalui Pekeliling Resolusi Lembaga. Walau bagaimanapun, setakat tarikh mesyuarat, hanya 3/12 maklumbalas diterima dan mereka menyokong cadangan tersebut.</p>	<p>Semua (M)/</p> <p>Semua (M)/</p>
3.12	<p>“Administrative Roadshow” kepada staf</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa <i>Administrative Roadshow</i> kepada staf yang bertujuan untuk menerangkan hak, keistimewaan dan kemudahan semasa berkhidmat/bersara termasuk lain-lain perkara yang berkaitan dengan pentadbiran, kewangan dan sumber manusia diadakan serentak dengan Kursus Induksi pada 25 Oktober hingga 28 Oktober 2021.</p>	<p>Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)</p>

NO	PERKARA	MAKLUMAN/ TINDAKAN
	<p>3.15.3 Bantuan makanan (<i>food basket</i>) kepada kakitangan dalam Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)</p> <p>Pihak pengurusan tidak mempunyai peruntukan untuk perkara tersebut dan seperti yang telah dimaklumkan semasa Mesyuarat MBJ yang lepas KERENA sepatutnya memberikan bantuan berkenaan di bawah aktiviti kebajikan kelab.</p> <p>Minit Ditutup</p> <p>3.15.4 Kos ujian saringan COVID-19 yang ditanggung NREB</p> <p>Pengurusan memaklumkan bahawa deraf garis panduan berhubung saringan COVID-19 dan kriteria-kriteria yang perlu dipatuhi telah disediakan tetapi belum dikemukakan kepada pihak pengurusan. Deraf tersebut telah dikongsi di dalam mesyuarat dan telah diberikan oleh ahli-ahli MBJ semasa mesyuarat.</p> <p>3.15.5 Ujian saringan COVID-19 sendiri (<i>self test</i>)</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa perkara ini telah dirujuk kepada UNION dan dimaklumkan bahawa tidak ada arahan daripada pihak kerajaan untuk memperuntukan swab test kit kepada kakitangan. Swab test hanyalah daripada KKM dan hospital swasta yang telah diberikuasa oleh kerajaan. Test kit adalah merupakan inisiatif staf sendiri untuk memeriksa tahap kesihatan berkaitan COVID-19. Walau bagaimanapun, kakitangan NREB boleh menuntut semula kos pembelian test kit yang digunakan sekiranya ia berkaitan dengan tugas rasmi. Tuntutan tersebut hendaklah menggunakan borang <i>Miscellaneous</i> dan harus disertakan dengan resit pembelian yang asli.</p> <p>Minit ditutup</p>	<p>Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)</p> <p>Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)</p> <p>Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)</p>
3.16	<p>Peruntukkan Membeli Beg Pembantu Operasi (PO)</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa cadangan ini telah dilaksanakan bermula tahun ini.</p> <p>Minit Ditutup</p>	<p>Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)</p>

NO	PERKARA	MAKLUMAN/ TINDAKAN
3.17	<p>Elaun makan untuk kakitangan menghadiri majlis/aktiviti rasmi secara maya</p> <p>Pengurusan memaklumkan bahawa perkara ini telah dirujuk kepada UNION dan dimaklumkan bahawa tidak terdapat perintah am di dalam Sarawak General Order yang mengatakan bahawa staf perlu diperuntukkan makanan dan minuman semasa mengikuti latihan ataupun mesyuarat. Ia bergantung dengan budibicara pihak penganjur. Beberapa badan berkanun negeri yang dihubungi juga memberikan maklumbalas bahawa mereka tidak melaksanakan perkara tersebut. Oleh itu, cadangan tidak dapat dilaksanakan.</p> <p>Minit ditutup</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)
3.18	<p>Pembayaran menggunakan e-wallet seperti Sarawak Pay</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa perkara ini telah dirujuk kepada UNION dan dimaklumkan bahawa Sarawak Pay bukan merupakan saluran pembayaran yang telah diberikuasa oleh Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian pembayaran melalui Sarawak Pay untuk elaun tuntutan dan pembayaran tidak dibenarkan.</p> <p>Minit ditutup</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)
3.19	<p>Status NREB sebagai Badan Penguatkuasa</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa perkara ini telah dirujuk kepada UNION dan dimaklumkan bahawa pekeliling Perkhidmatan Bayaran Insentif Penguatkuasa tidak diterima pakai oleh Kerajaan Negeri. Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan Hutan pernah memohon untuk dibayar elaun tersebut tetapi tidak diluluskan oleh Kerajaan Negeri.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk pihak pengurusan mendapatkan pengesahan sama ada NREB dikategorikan sebagai agensi penguatkuasa ataupun bukan.</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)

NO	PERKARA	MAKLUMAN/ TINDAKAN
3.20	<p>Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa salinan lembut (softcopy) minit mesyuarat Majlis Bersama Jabatan telah dipanjangkan kepada Unit ICT untuk dimuat naik ke dalam laman web rasmi NREB bagi memudahkan rujukan semua pihak.</p> <p>Minit Ditutup</p>	Semua (M)/ Pihak Pekerja (T)
4.0	Perkara-Perkara Baharu	
4.1	<p>Kemaskini sambungan talian telefon di tingkat 18 dan tingkat 19 di Ibu Pejabat</p> <p>Pihak pekerja daripada Seksyen M&R dan EEP memaklumkan tentang masalah yang berkaitan dengan talian telefon sejak berlakunya perpindahan seksyen dilakukan pada bulan Mei lepas. Perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak pentadbiran namun sehingga tarikh mesyuarat, masalah tersebut belum diselesaikan sepenuhnya. Pihak pekerja memohon supaya semua talian telefon kakitangan di tingkat 18 dan 19 Ibu pejabat disemak dan dikemaskini secepat mungkin.</p> <p>Pihak pengurusan mengambil maklum dan akan berhubung semula dengan pihak Telekom untuk menyelesaikan masalah tersebut.</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)
4.2	<p>Menyediakan <i>Personal Protective Equipment</i> (PPE) kepada kakitangan setiap dua (2) tahun sekali</p> <p>Pihak Pekerja memohon supaya <i>Personal Protective Equipment (PPE)</i> diberi kepada kakitangan NREB setiap dua (2) tahun sekali dan diselaraskan antara Ibu Pejabat dan semua pejabat NREB. Pekerja memohon supaya PPE yang diberi adalah <i>safety helmet</i>, jaket lapangan, kasut keselamatan dan topi (<i>cap</i>) yang mempunyai logo NREB. Jaket yang dicadangkan adalah serupa dengan jaket lapangan Jabatan Alam Sekitar (JAS) tetapi perlu ditambah dengan <i>reflective tape</i> untuk tujuan keselamatan kakitangan di lapangan. Adalah satu kewajipan majikan menyediakan PPE kepada pekerja.</p> <p>Pihak pengurusan mengambil maklum dan akan menyediakan kemudahan tersebut.</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)

NO	PERKARA	MAKLUMAN/ TINDAKAN
5.0	Hal-Hal Lain	
5.1	Penjagaan Aset Pejabat Pihak Pengurusan mengingatkan supaya semua pekerja untuk menjaga semua aset pejabat dengan baik. Sekiranya terdapat aset yang rosak, hilang ataupun tidak lagi digunakan kakitangan hendaklah mengembalikan aset tersebut kepada Unit Aset di Ibu pejabat untuk tindakan seterusnya. Pihak Pengurusan juga mengingatkan semua pekerja untuk mengisi borang yang betul jika terdapat aset yang rosak atau perlu dibaiki.	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)
6.0	Penangguhan Mesyuarat	
	Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.35 pagi dan ahli-ahli MBJ akan dimaklumkan tarikh, masa dan tempat mesyuarat yang akan datang.	Semua (M)



DATIN HJH. MARIATI HJ. YAMAN

Setiausaha (Pengurusan)

Tarikh : 27.12.2021

Urusetia (Pengurusan) : Ibu Pejabat NREB
(Seksyen Pentadbiran, Sumber Manusia dan Kewangan)
Tel.: 082-319 500/319 511 Faks: 082-312 800

Urusetia (Pekerja) : Ibu Pejabat NREB
Tel.: 082-312 642 Faks: 082-312 800



JENERFER LU YANN RONG

Setiausaha (Pekerja)